



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	29/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	TNB		

# Bekalan elektrik di 831 kawasan terjejas pulih

**Kuala Lumpur:** Bekalan elektrik di 831 kawasan yang terjejas banjir di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur dipulihkan setakat jam 12 tengah hari semalam.

Tenaga Nasional Bhd (TNB) Careline menerusi hantaran di Facebook memaklumkan ia me-

liputi sebanyak 510 kawasan di Pahang, 178 kawasan di Selangor, 118 kawasan di Kuala Lumpur dan 25 kawasan di Negeri Sembilan.

"Jika banjir sudah surut di kawasan anda, tetapi masih belum menerima bekalan elektrik, hal ini disebabkan oleh pencawang

elektrik yang menyalurkan bekalan elektrik ke premis anda belum benar-benar selamat untuk diaktifkan," menurut hantaran itu.

TNB Careline juga turut memberitahu 14 kawasan di Selangor, 10 di Pahang dan masing-masing dua kawasan di Negeri Sembilan

serta Kuala Lumpur belum lagi mendapat bekalan elektrik demi keselamatan pengguna setempat.

Selain itu, katanya, usaha sedang giat dijalankan oleh TNB bagi memastikan bekalan elektrik di kawasan terbabit dapat disalurkan secara berperingkat,

tertakluk kepada akses dan keadaan setempat.

TNB Careline juga menasihati pelanggan agar meletakkan peralatan elektrik di tempat yang lebih tinggi dan selamat agar tidak ditenggelami banjir sebagai langkah berjaga-jaga.

BERNAMA

BH 29.12.2021\_19